

**PERANAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN
BERDASARKAN PENDEKATAN HIKMAH DI DALAM SURAH LUQMAN
MENURUT TAFSIR AL-THOBARI**

***THE ROLE OF ISLAMIC EDUCATION IN THE DEVELOPMENT OF HUMAN
CAPITAL BASED ON THE APPROACH OF WISDOM IN SURAH LUQMAN
ACCORDING TO TAFSIR AL-THOBARI***

Zuraimy Ali ¹, Nurakmal Liyana Yahaya ²

¹ Zuraimy Ali, Pensyarah Kanan Akademi
Pengajian Islam Kontemporari UiTM cawangan
Perlis, zuraimy@uitm.edu.my

² Nurakmal Liyana Yahaya, Guru KAFA Jabatan
Hal Ehwal Agama Islam Perlis,
nurakmalliyanayahya@gmail.com.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Jun 2022

Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022

Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022

Abstrak

Keruntuhan moral yang ditunjukkan dalam media massa di Malaysia dilihat semakin meruncing. Pembangunan Modal Insan adalah penting dalam menangani masalah keruntuhan moral dan sosial tersebut. Kajian ini bertujuan meneliti sejauh mana peranan Pendidikan Islam dan elemen-elemennya yang dapat menjadi asas pembangunan modal insan sepertimana yang terdapat dalam Surah Luqman menurut Tafsir al-Thobari dan pandangan terkuat menurut Imam al-Thobari serta maklumat lain yang dianggap relevan dan bermanfaat dengan perbincangan topik kajian. Kajian dijalankan melalui pendekatan literasi kajian terhadap sumber skunder di dalam kitab dan kaedah yang digunakan adalah berdasarkan metod keperpustakaan. Kaedah yang digunakan adalah pengumpulan data dalam bentuk analisis isi dan melibatkan pembacaan Kitab Tafsir al-Thobari secara intensif mengenai Pendidikan Islam dalam Surah Luqman. Dapatan kajian ini menunjukkan peranan dan elemen-elemen pendidikan Islam yang terdapat dalam Surah Luqman telah memainkan peranan penting dalam proses pembangunan modal insan dari sudut fizikal, intelektual, emosional dan spiritual yang bersesuaian sepanjang zaman. Kajian ini diharap dapat dijadikan asas dan panduan kepada ibubapa, guru-guru dan masyarakat dalam mendalami ilmu keibubapaan, pedagogi pendidikan Islam dan pembangunan modal insan supaya masalah keruntuhan moral dan sosial di kalangan individu dan masyarakat boleh dielakkan.

Kata kunci

Pendidikan Islam, pembangunan modal insan, surah Luqman , tafsir al-Thobari

Abstract

The moral decay shown in the mass media in Malaysia is seen to be getting worse. Human Capital Development is important in dealing with the problem of moral and social decay. This study aims to examine the extent to which the role of Islamic Education and its elements can be the basis of human capital development as found in Surah Luqman according to Tafsir al-Thobari and the strongest view according to Imam al-Thobari as well as other information that is considered relevant and useful for discussing the topic research. The study was conducted through a literacy approach to the study of secondary sources in the book and the method used was based on the library method. The method used is data collection in the form of content analysis and involves intensive reading of Tafsir al-Thobari Book on Islamic Education in Surah Luqman. The findings of this study show the role and elements of Islamic education found in Surah Luqman have played an important role in the development of human capital from a physical, intellectual, emotional and spiritual point of view throughout the ages. It is hoped that this study can be used as a basis and guide for parents, teachers and the community in deepening the science of parenting, Islamic education pedagogy and human capital development so that the problem of moral and social collapse among individuals and society can be avoided.

Keywords - Islamic education, human capital development, surah Luqman, tafsir al-Thobari

Keywords

Islamic education, human capital development, surah Luqman, tafsir al-Thobari

1. Pengenalan

Al-Quran adalah wahyu yang diturunkan oleh Allah bertujuan untuk mendidik hamba-Nya. Islam telah menggariskan suatu pendidikan yang lengkap dan memenuhi fitrah manusia. Firman Allah yang bermaksud :

"Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman: "Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar".

Surah al-Baqarah (2): 31

Pendidikan Islam mempunyai beberapa perbahasan dalam kalangan ahli ilmu tentang definisi menurut pandangan dan kecenderungan masing-masing. Pendidikan Islam secara umumnya adalah proses pembelajaran berdasarkan ajaran-ajaran Islam bagi pembentukan diri seseorang yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad S.A.W (Shah, 2008). Pendidikan Islam dari segi istilah bahasa Arab adalah terdiri daripada beberapa pengertian iaitu *tarbiyah*, *tarbib*, *ta'dib*, *tadris*, *ta'lim*, *tazkiah*, dan *riyadah* (Kamarul & Ab. Halim, 2019).

Tarbiyah dari sudut bahasa arab adalah diambil dari perkataan *rabba yarbu riba rabw* bermaksud bertambah, membiak dan naik (Ibn Manzur, 1993). Kata *tarbiyah* merupakan bentuk masdar dari *rabba yarabbi tarbiyatun* bermaksud mengasuh dan mendidik (Ibn Manzur, 1993). Dilihat bahawa, kata dasar istilah-istilah *tarbiyah* tidak terdapat unsur ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan yang menjadi elemen kepada pendidikan (Shah, 2008). Bahkan, istilah *tarbiyah* adalah suatu perkara yang baru muncul melalui gerakan pembaharuan pendidikan di dunia Arab pada tempat kedua abad ke-20 (Munir, 1997). Justeru, makna *tarbiyah* dari sudut pendidikan adalah terbatas pada pemeliharaan dan pengasuhan anak pada masa kecil. Pemeliharaan dan bimbingan yang diberikan sesudah masa itu tidak lagi termasuk dalam pengertian pendidikan. Sepertimana firman Allah yang bermaksud:

“Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kasih sayang dan ucapkanlah, “Wahai Tuhanku, kasihilah mereka berdua, sebagaimana mereka berdua telah mendidiku sewaktu kecil.”

Surah al-Isra'(17): 24

Dalam terjemahan ayat di atas dapat dilihat bahawa kata *tarbiyah* digunakan untuk mengungkapkan pekerjaan ibubapa yang mengasuh anaknya sewaktu kecil. Malahan menurut Muhammad Munir Mursa (1997), penggunaan *tarbiyah* dalam konteks pendidikan tidak ditemukan di dalam sumber-sumber klasik pendidikan. Istilah yang ditemukan adalah istilah-istilah lain seperti *ta'lim*, *'ilm*, *adab* dan *tahzib*.

Seterusnya, istilah *tarbib* pula diambil dari kata dasar *rabba yarubbu rabb* yang juga membawa maksud menjaga, mengasuh, mendidik dan memperbaiki (Ibn Manzur, 1993). Pendidikan *Rabbaniyah* diambil dari perkataan ini. Menurut Ibn Manzur (1993) bahawa perkataan *al-Rabb* merujuk kepada Tuhan manakala perkataan *rabbani* atau *rabbaniyyah* merujuk kepada penisbahan taat seorang hamba kepada Tuhannya.

Ta'dib pula berasal dari dua kata dasar iaitu *aduba ya'dubu adab* yang bermaksud santun, beradab dan sopan. Kata dasar kedua adalah *adaba ya'dibu udb* atau *adaba yu'adibu idab*. Kedua-dua kata dasar ini membawa maksud jamuan. Walaubagaimanapun, kedua-dua kata dasar ini juga boleh membentuk perkataan *addaba yuaddibu ta'dib* yang bermaksud mengajar beradab, melatih dan menyeksa (Ibn Manzur, 1993). Walaupon kata dasar *ta'dib* yang membawa maksud jamuan itu seolah-olah tiada kaitan dengan adab. Namun, etika dan protokol ketika jamuan menunjukkan suatu budi pekerti dan adab yang perlu dijaga. Malahan, al-Attas turut berpandangan bahawa pendidikan Islam itu adalah *ta'dib* kerana adab sepertimana yang diceritakan dalam hadis tentang pendidikan Tuhan kepada Nabi S.A.W adalah merangkumi ilmu dan amal (Wan Mohd, 2020).

Perkataan *tadris* berasal daripada *darrasa yudarrisu tadris* yang membawa maksud belajar. *Tadris* mempunyai tiga kata dasar iaitu *darasa yadrusu durus* bermaksud hapus dan padam. Keduanya, *darasa yadrusu dasan dirasatan* yang bermaksud mempelajari. Manakala kata dasar yang ketiga pula adalah *darasa yadrusu darsan dirasan* bermaksud menguli tepung (Ibn Manzur, 1993). *Tadris* adalah suatu proses

belajar dan bukannya mengajar dalam pendidikan. Ianya juga dikira sebagai suatu gambaran dalam pendidikan tentang proses pembentukan yang mengambil masa untuk mendapatkan hasilnya (Kamarul & Ab. Halim, 2019).

Firman Allah yang bermaksud :

“Adakah kamu mempunyai sesebuah Kitab (dari Allah) yang kamu baca dan pelajari?”.

Surah al-Qalam (68): 37

Ta'lim adalah berasal daripada perkataan '*alima ya'lamu 'ilman* yang bermaksud tahu, mengetahui dan dapat tahu sesuatu. Dari kata dasar ini terbentuk perkataan '*allama yu'allimu ta'liman* yang bermaksud mengajar dan pengajaran. Ia juga membentuk perkataan '*ta'allama yata'allamu ta'alluman* yang bermaksud belajar dan pembelajaran (Ibn Manzur, 1997). Firman Allah yang bermaksud:

“...samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui”.

Surah al-Baqarah (2): 151

Allah telah mengutus Nabi S.A.W kepada umatnya untuk mempelajari dan mendalami pengetahuan ilmu al-Quran serta mengamalkannya. Pendidikan *ta'lim* Nabi kepada para Sahabat telah menjadikan para Sahabat mencapai darjat Hikmah (kebijaksanaan). Dan setelahnya para Sahabat berjaya melalui proses *tazkiyah* iaitu penyucian jiwa dalam melahirkan keperibadian yang tinggi. Justeru, *ta'lim* adalah proses pendidikan dalam mengajar dan belajar dengan tujuan mendapat ilmu pengetahuan (Kamarul & Ab. Halim, 2019).

Tazkiyah dan *riyadah* adalah pendidikan yang digunakan oleh al-Ghazali (2004) yang bermaksud *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa) dan *riyad al-nafs* (latihan jiwa). *Tazkiyah* adalah daripada kata dasar *zaka yazku zakaan* atau daripada kata dasar *zakiya yazki zakaan* yang bermaksud semakin membesar dan baik. Daripada kata dasar ini terbit perkataan *zakka yuzakki tazkiyyatan* yang bermaksud bertambah, berkembang, membaiki dan menyucikan (Ibn Manzur, 1997). *Tazkiyah* bukan hanya pada pembersihan dan penyucian diri. Bahkan, ianya meliputi pembinaan, pembangunan dan pengembangan diri seseorang dalam sifat dan karakter. Oleh itu, *tazkiyah al-nafs* adalah proses penyucian, pengembangan jiwa dan pembinaan moral. Menurut Ibnu Katsir, *tazkiyah* bermaksud menyucikan dirinya dari dosa, keburukan dan syirik. Keberjayaan dan kebahagiaan seseorang dapat ditentukan dengan melihat seberapa jauh ia men-*tazkiyah* dirinya (al-Thobari, 1/454).

Riyadah digunakan dalam bahasa Melayu sebagai riadah. Makna pertamanya adalah bermaksud bertapa dengan mengawal hawa nafsu. Makna kedua adalah merujuk kepada senaman, gerakan badan, segala kegiatan untuk menyihatkan badan dan fikiran yang dilakukan pada waktu lapang serta rekreasi (Kamus Dewan, 2000).

Namun, *riyadah* dalam bahasa Arab dari kata dasar *rada yarudu raudan riyadatan* yang bermaksud melatih atau menjadikannya dikuasai dan mengikut arahan (Ibn Manzur, 1997). Menurut Kamarul & Ab. Halim, (2019) *riyadah* secara bahasanya adalah menukarkan kelakuan yang buruk dengan perangai yang lebih atau memperbaiki sikap dan perangai diri.

Dapat dilihat bahawa semua konsep pendidikan Islam yang merangkumi *tarbiyah, tarbib, ta'dib, tadrīs, ta'lim, tazkiyah, dan riyadah* mempunyai keterikatan antara satu sama lain. Lapan konsep ini dapat disimpulkan bahawa pendidikan Islam adalah pendidikan *ruhiyah* manusia sebagai hamba Allah bagi melahirkan kebaikan akhlak dan budi pekerti yang tinggi serta berlakunya pertambahan pengetahuan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti peranan pendidikan Islam dalam Surah Luqman bagi melahirkan pembangunan modal insan melalui aspek fizikal, intelektual, emosional dan spiritual.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan secara kualitatif yang menggunakan kaedah perpustakaan sahaja iaitu kajian yang tidak melibatkan kajian di lapangan. Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan adalah kaedah yang digunakan untuk mendapat bukti dan data dengan melakukan kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Kajian ini menggunakan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian adalah Tafsir al-Quran, Pendidikan Islam dan *Tasawuf*. Berkenaan dengan *Tasawuf*, kajian ini menyentuh berkaitan pembangunan modal insan dari sudut intelektual, emosi, fizikal, spritual. Selain itu, kajian lepas turut dilakukan bagi menyokong dan dijadikan sebagai sumber rujukan. Kebanyakan kajian-kajian lepas diambil daripada kajian yang dilakukan di dalam negara dan beberapa kajian lepas yang diambil dari luar negara seperti Indonesia. Maklumat kajian yang diperolehi adalah mengenai teori pendidikan Islam dari sarjana Islam, pendapat-pendapat Ulama' tentang tafsir al-Quran dan juga makna pendidikan yang terdapat dalam Surah Luqman.

Data-data kajian mengenai metodologi pendidikan Islam dikumpul daripada Kitab Tafsir *Jami' al-Bayan fi Tafsir Rayi al-Qur'an*. Ianya adalah kitab tafsir yang terbaik kerana mengandungi tafsiran al-Quran dengan al-Quran, tafsir al-Quran dengan hadis dan tafsir al-Quran dengan riwayat para Sahabat dan Tabi'in. Pemilihan ayat-ayat mengenai pendidikan dibuat mengikut pendapat Imam al-Thobari. Dalam Kitab ini, Imam al-Thobari mengemukakan riwayat-riwayat tafsir yang lengkap sanadnya serta bersambung secara musnad. Kemudian Imam al-Tabari mentafsirkan sendiri ayat-ayat tertentu berdasarkan pendapat beliau tersendiri. Dan Imam al-Thobari telah mengemukakan riwayat mengikut kaedah tafsir yang diikutinya.

3. Perbincangan Dapatan Kajian

3.1 Peranan Pendidikan Islam Dalam Pembangunan Modal Insan

Al-Quran mempunyai prinsip-prinsip yang menjadi sumber untuk menghasilkan teori pendidikan. Prinsip al-Quran adalah tauhid dan *risalah Ilahiyah*. Prinsip tauhid menjadi peranan utama kerana di dalamnya memberikan pemahaman tentang keesaan Allah dan hubungan manusia dengan pencipta-Nya. Manakala *risalah Ilahiyah* merupakan pesanan Allah yang diberikan kepada Rasulullah untuk diajarkan kepada manusia dan mengandungi unsur-unsur pendidikan. Teori-teori pendidikan dalam Al-Quran dapat dipelajari melalui ayat-ayat Al-Quran yang menjadi rujukan melalui pancaindera yang dikurniakan Allah. Sedangkan teori pendidikan yang dikembangkan melalui hadis adalah fitrah (potensi) manusia (Sholichah, 2018). Menurut Intan (2015), pendekatan pendidikan Islam adalah suatu pendekatan untuk menyusun teori-teori pendidikan yang bersumberkan ajaran agama Islam. Ianya mempunyai nilai-nilai kehidupan sebagai sumber untuk menentukan tujuan, metode dan jenis-jenis pendidikan. Metode yang digunakan dalam menyusun teori pendidikan Islam adalah tesis deduktif. Ianya disebut tesis deduktif kerana bertitik tolak dari dalil-dalil agama yang tidak dapat ditolak kebenarannya. Dan disebut deduktif kerana teori pendidikan Islam disusun dari prinsip-prinsip ajaran agama Islam yang umum sebagai asas untuk merungkaikan permasalahan prinsip-prinsip pendidikan yang khusus.

Teori pendidikan Islam mempunyai nilai-nilai al-Quran yang merupakan pembentukan elemen dasar kurikulum. Pelaksanaannya harus dinilai para pendidik dan ianya tidak hanya terbatas pada penemuan-penemuan ilmiah. Malahan kepentingan tauhid mengenai pembelajaran alam dalam kurikulum dan pendidikan sains telah disebutkan dalam al-Quran, firman Allah yang bermaksud:

“Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman? Dan dari air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup. Maka mengapakah mereka tiada juga beriman. Dan Kami telah menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya, supaya bumi itu tidak menggegar mereka; dan Kami jadikan padanya celah-celah sebagai jalan-jalan lalu-lalang, supaya mereka dapat sampai kepada mencapai keperluan rohani dan jasmani”
(Surah al-Anbiya (21): 30-31)

3.2 Pembangunan Modal Insan Dari Sudut Intelek, Rohani, Emosi Dan Jasmani

W.S. Winkel menyatakan bahawa antara salah satu pendekatan yang dilakukan untuk pembangunan modal insan dari segi intelektual, emosional dan spiritual adalah dengan pendekatan pembelajaran kognitif, afektif dan psikomotor atau yang lebih dikenali dengan teori taksonomi Bloom (Sholichah, 2018). Kognitif adalah suatu pembelajaran yang menggunakan pergerakan otak atau berfikir untuk pengembangan intelektual yang di dalamnya terkandung aspek pengetahuan, pemahaman, penerapan, analisis dan sintesis. Manakala psikomotorik adalah suatu pembelajaran yang berpusatkan pada skill atau kemampuan. Dan afektif pula adalah proses pembelajaran tentang sikap dan nilai seperti perasaan sikap, emosi, dan nilai.

Dalam Islam, pengembangan kognitif bukan hanya pada kecerdasan intelektual semata akan tetapi lebih kepada pemahaman aqidah yang di dalamnya terdapat elemen tauhid. Sehingga segala ilmu yang dipelajari tidak terlepas dari kesadaran akan adanya pencipta ilmu tersebut yaitu Allah S.W.T. Hal ini akan menghasilkan elemen afektif yang menghasilkan keimanan atau kesadaran diri sebagai makhluk Allah dan sebagai khalifah untuk memakmurkan sistem alam yang ada disekitarnya. Dengan potensi dan kecerdasan yang dianugerahkan kepada manusia memberi peluang manusia untuk menjadi *Ulul Albab*. Manusia *Ulul Albab* adalah manusia dengan kecerdasan yang menggunakan kemampuan pancaindera yang Allah berikan. Pendidikan Islam menjadikan manusia seorang pemikir (*tafakkur*) dan peneliti (*tadabur*) yang digelar dalam al-Quran sebagai golongan *Ulul Albab*. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti peranan pendidikan Islam dalam pembangunan modal insan dari sudut intelektual, emosi, spiritual dan fizikal.

3.4 Pendidikan Islam dalam Surah Luqman menurut Tafsir al-Thobari

Terdapat beberapa nilai-nilai pendidikan Islam yang boleh diambil dari wasiat Luqman kepada anaknya pada ayat 12-19 menurut Tafsir al-Thobari yang dapat diterapkan pada generasi Islam pada masa kini, nilai-nilai tersebut antara lain adalah sebagai berikut:

3.4.1 Pendidik Yang Berhikmah (Bijaksana).

Firman Allah yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu)". Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji."

Surah Luqman (21): 12

Luqman dikenali sebagai seorang yang telah diberikan oleh Allah hikmah (kebijaksanaan) serta mempunyai akhlak yang terpuji. Mujahid dan Qatadah berpendapat Luqman adalah seorang lelaki yang soleh dan bukan nabi kerana Allah tidak menurunkan wahyu padanya. Mujahid mengatakan Luqman adalah seorang hamba berkulit hitam. Kedua bibirnya tebal dan kedua telapak kakinya lebar serta kulit telapak kakinya pecah-pecah. Beliau seorang hakim bani Israil. Sa'id bin Al Musayyib mengatakan bahawa Luqman berasal dari Sudan. Suatu hari terdapat seseorang lelaki yang berkulit hitam merasa sedih kerana warna kulitnya dan mengadu kepada Sa'id bin al-Musayyib. Beliau mengatakan kepadanya bahawa terdapat tiga orang yang berkulit hitam iaitu Bilal, Mahja hamba Umar bin Al Khathab, dan Luqman Al Hakim. Khalid ar-Rab'i pula mengatakan bahawa Luqman adalah seorang tukang kayu. Tuannya pernah menyuruhnya menyembelih seekor kambing dan mengeluarkan dua gumpal daging yang terbaik serta lidah dan hatinya.

Kemudian tuannya menyuruhnya menyembelih seekor lagi kambing dan mengeluarkan dua gumpal daging yang terburuk serta lidah dan hatinya. Lalu Luqman mengeluarkan

jantung dan hati daripada kedua-dua sembelihan tersebut dan mengatakan bahawa tidak ada yang lebih baik daripada jantung dan hati sekiranya ianya baik dan tidak ada yang lebih buruk daripada jantung dan hati sekiranya ianya buruk. Amr bin Qais turut menceritakan bahawa Luqman pernah ditanya oleh teman pengembalanya tentang kedudukan yang diperolehinya. Luqman menjawab untuk mencapai kedudukan tersebut adalah dengan berkata jujur dan diam terhadap sesuatu yang tidak penting. Ikrimah pula berpendapat bahawa Luqman adalah seorang nabi (al-Thobari, 2007).

Menurut Muhyiddin (2012), dalam al-Quran disebutkan perkataan hikmah sebanyak 20 kali menunjukkan bahawa hikmah tidak datang melainkan daripada Allah. Hikmah sangat penting dalam kehidupan seharian manusia dan maknanya kurang difahami bagi sebahagian orang Islam. Hikmah dari sudut bahasa menurut Ibn Faris (1979) bermaksud *hakama* membawa maksud 'menghalangi'. Hikmah menurut Imam al-Thobari (2007) adalah seseorang yang diberikan pemahaman agama, fikiran dan ucapan yang benar. Manakala Imam al-Thobari (2007) menukilkan pandangan Ibn Waki dalam kitab tafsirnya yang mengatakan bahawa Mujahid berpendapat hikmah adalah seseorang yang diberikan al-Quran dan seorang yang amanah. Luqman diberikan hikmah kerana bersyukur kepada Allah atas apa yang diberikan adalah termasuk daripada bahagian hikmah yang dikurniakan.

Ulama Tafsir berpandangan bahawa tujuan hikmah dalam Surah Luqman adalah rasa syukur dengan mendapat Rahmat daripada Allah. Makna syukur menurut Mahfud (2014) adalah dapat melihat nikmat dan tidak mengkufuri nikmat. Imam al-Thobari (2007) turut berpandangan bahawa kesyukuran seseorang itu tidak lain ianya dapat memberi manfaat kepada dirinya sendiri kerana Allah akan membalasnya dengan balasan yang lebih baik dan menyelamatkannya dari kebinasaan.

Bahkan orang yang kufur nikmat adalah orang yang rugi kerana akan mendapat azab atas kekufurannya tanpa menjejaskan kekuasaan Allah walaupun sedikit. Syirik halus yang berbahaya adalah kufur nikmat seperti melakukan syirik pada pemberhalaan diri sendiri dengan merasakan diri mempunyai kelebihan berbanding orang lain tanpa meletakkan kelebihan itu kurniaan daripada Allah (Syaari, 2019). Hikmah yang tertinggi adalah apabila kita dapat menyingkap nikmat Allah dan memanfaatkannya serta menjadikan dirinya kehambaan kepada Allah. Hikmah turut diberi kepada para Nabi dan Rasul. Para Nabi dan Rasul diperintahkan untuk menyampaikan hikmah sepertimana firman Allah yang bermaksud:

“...samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.”

Surah al-Baqarah (2): 151

Melalui ayat al-Quran ini boleh difahami bahawa hikmah turut dapat diperolehi melalui hasil usaha dan proses pembelajaran. Konsep hikmah merupakan satu pendekatan

yang perlu digunakan oleh tenaga pengajar khususnya dalam proses menyampaikan ilmu Islam. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik...”
Surah al-Nahl (16): 125

3.4.2 Seni Dalam Memulakan Nasihat.

Firman Allah yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:” Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”.

Surah Luqman (21): 13

Imam al-Thobari (2007) mengatakan bahawa Luqman mengambil pendekatan menasihati anaknya supaya tidak mempersekutukan Allah kerana syirik merupakan suatu kesalahan besar dalam ucapan. Menurut Hasrizal (2018), Luqman menggunakan pendekatan *al-Waizu* iaitu mengingatkan tentang kebaikan dalam bentuk melembutkan hati dengan menggunakan panggilan yang kaya dengan kasih sayang iaitu *ya bunayya* (wahai anakku). Dan dijelaskan dalam bentuk ancaman dan risiko akibat dari perbuatan syirik tersebut. Rahsia penggunaan kalimah *ya bunayya* yang diulang sebanyak tiga kali dalam Surah Luqman adalah suatu panggilan manja bagi tujuan melembutkan dan menjinakkan pendengar. Ianya suatu panggilan yang menunjukkan kesungguhan seseorang dalam menyampaikan sesuatu dengan sebaik-baiknya (Syaari, 2019). Malahan Luqman menunjukkan kasih sayang sebenar sebagai ayah kepada anaknya dengan mewasiatkan sesuatu yang dapat menyelamatkan anaknya di dunia dan akhirat. Allah hanya mengekalkan hubungan kekeluargaan bagi orang beriman sahaja sepertimana firman Allah yang bermaksud:

“... Dan ia akan pergi kepada keluarganya (yang beriman) dengan sukacita.”
Surah al-Inshiqaq (84): 9

3.4.3 Bersyukur dan berbuat baik kepada ibu bapa dalam perkara kebaikan.

Firman Allah yang bermaksud:

“Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).”

Surah Luqman (21): 14

Imam al-Thobari (2007) mengatakan ayat ini adalah firman Allah kepada Nabi Muhammad tentang perintah seorang anak untuk berbuat baik kepada ibu bapanya. Ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah dan kesulitan yang berlipat ganda. Imam al-Thobari (2007) turut menukil perbezaan pandangan antara para Sahabat dan Tabiin mengenai makna kelemahan tersebut. Menurut Ibn Abbas kelemahan yang disebutkan adalah kehamilan. Mujahid pula berpandangan ianya bermaksud kelemahan janin mengikut kelemahan ibunya. Kemudian Allah menekankan pada ayat tersebut supaya bersyukur kepada Allah atas segala nikmat dan berterima kasih serta berbuat baik kepada ibu bapa yang bersusah payah telah menjaganya sewaktu kecil dengan penuh kasih sayang. Imam al-Thobari (2007) menukilkan pendapat Mus'ab bin Saad yang mengatakan bahawa ayat ini menceritakan tentang Saad bin Abu Waqas dan ibunya, Ibunya bersumpah untuk tidak makan dan minum hinggalah Saad keluar dari Islam. Akan tetapi Saad tidak menuruti kemahuan ibunya dan ibunya pun terus melakukan perbuatan tersebut hingga pesan. Ketika ibunya sedar, ibunya mendoakan sesuatu kepada Saad. Lalu turunlah ayat ini. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.”

Surah Luqman (21): 15

Imam al-Thobari (2007) mengatakan ayat ini mengenai suruhan Allah supaya tidak mengikuti keinginan ibu bapa dalam mensyirikkan Allah. Namun, tetaplah dalam berbuat baik kepada mereka di dunia. Dan ikuti jalan orang yang bertaubat dari melakukan syirik dan kembali kepada Islam iaitu jalan Nabi Muhammad. Semua manusia akan kembali kepada Allah dan akan diberitahu semua amalan yang dilakukan samada amalan baik ataupun buruk serta diberi balasan setimpal. Amalan baik akan dibalas dengan kebaikan. Amalan buruk akan dibalas dengan keburukan. Imam al-Thobari (2007) turut menerima pendapat yang mengatakan kedua-dua ayat perintah berbuat baik kepada ibu bapa ini adalah wasiat Luqman kepada anaknya.

3.4.4 Menyifatkan nama-nama Allah dalam bentuk praktikal.

Firman Allah yang bermaksud:

“(Luqman menasihati anaknya dengan berkata): "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya) kerana

sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.”

Surah Luqman (21): 16

Imam al-Thobari (2007) menukil perbezaan pandangan Ulama' Nahu yang terdapat pada ayat ini. Sebahagian Ulama' Nahu daripada Basrah berpendapat bahawa ayat seberat biji sawi ini adalah *Kinayah* terhadap perbuatan maksiat dan dosa. Manakala pendapat kedua iaitu pendapat sebahagian Ulama' Kufah berpendapat bahawa seberat biji sawi bermaksud pada amalan baik mahupun amalan buruk. Inilah pendapat yang dipilih oleh Imam al-Thobari. Ibn Abbas berpandangan bahawa batu besar yang dikatakan adalah batu yang bumi berada di atas batu tersebut dan berwarna hijau. Qatadah pula berpendapat batu yang dimaksudkan adalah bukit-bukit. Allah Maha Mengetahui akan segala perbuatan tersebut. Sesungguhnya Allah Maha Halus untuk mengeluarkan perbuatan yang seberat biji sawi itu dari tempatnya, kerana Dia Maha Mengetahui tempatnya.

3.4.5 Menjaga hubungan dengan Allah dan manusia.

Firman Allah yang bermaksud:

"Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.

Surah Luqman (21): 17

Imam al Thobari (2007) mengatakan ayat ini mengenai nasihat Luqman kepada anaknya supaya mendirikan solat yang sesuai dengan ketentuan dan menyuruh manusia agar taat kepada Allah dan mengikuti perintah-Nya serta melarang manusia dari perbuatan maksiat dan jatuh ke dalam perbuatan haram tersebut. Dan bersabarlah terhadap yang menimpa dari segala perbuatan manusia ketika memerintahkan mereka melakukan perbuatan baik dan melarang mereka dari perbuatan maksiat. Janganlah sernua itu menghalangi dari kewajiban melakukan amar ma'ruf nahi munkar. Sesungguhnya semua itu termasuk perkara-perkara yang diperintahkan Allah agar dilaksanakan dengan keteguhan. Ini juga adalah pandangan Ibn Juraij yang dinukilkan oleh Imam al-Thobari.

3.4.6 Amanah akhlak dari sikap sombong.

Firman Allah yang bermaksud:

"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri."

Surah Luqman (21): 18

Imam al-Thobari (2007) menafsir ayat ini merupakan nasihat supaya jangan memalingkan wajah ketika berbicara kerana sombong atau ingin merendahkan lawan bicara. Perbuatan memalingkan wajah kerana sombong diumpamakan seperti seekor unta yang memalingkan kepalanya kerana menderita sakit di leher atau kepala. Ini juga adalah pandangan Ibn Abbas dan Mujahid. Menurut riwayat lain daripada Mujahid berpendapat bahawa larangan memalingkan wajah ini ketika berlaku permusuhan antara dua orang. Pandangan ketiga mengatakan larangan memalingkan wajah itu adalah apabila untuk mengejek. Dan Allah melarang untuk berjalan di muka bumi dengan angkuh. Mujahid berpendapat orang yang membanggakan diri adalah orang yang menghitung apa yang telah diberikan oleh Allah tetapi tidak mahu bersyukur.

3.4.7 Menjaga penampilan diri dengan akhlak yang baik.

Firman Allah yang bermaksud:

"Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai".

Surah Luqman (21): 19

Imam al-Thobari (2007) menyebut suruhan sederhana dalam berjalan adalah galakan untuk bersikap rendah hati ketika berjalan, tidak bersikap sombong dan tergesa-gesa. Mujahid mengatakan ini adalah nasihat Luqman kepada anaknya supaya merendahkan hati ketika berjalan. Yazid bin Abu Habib pula berpandangan ini adalah nasihat Luqman kepada anaknya supaya tidak berjalan terlalu cepat. Manakala suruhan supaya rendahkan suara bermaksud bercakap dengan suara yang sederhana. Ulama' berbeza pandangan mengenai perumpamaan suara yang buruk adalah seperti keldai. Qatadah mengatakan ianya bermaksud suara yang buruk daripada segala suara yang ada adalah suara keldai. Ikrimah dan Al Hakam bin Utaibah berpandangan ianya adalah suara yang paling buruk atau paling jahat. Inilah pandangan yang diambil oleh Imam al-Thobari.

3.5 Kesan Pendidikan Islam Berasaskan Pendekatan Surah Luqman

Kebudayaan yang berasaskan *manhaj rabbani* (ketuhanan), manusiawi, universal dan bermoral dapat mempersatukan ilmu dengan keimanan, kebendaan dengan spiritual. Ianya dapat menjadi keseimbangan antara dunia dan akhirat (Yusuf Qardawi, 2014). Firman Allah yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya)."

Surah al-Hujurat (49) : 15

Orang yang spiritualnya baik adalah orang yang menjaga hatinya melalui keimanan. Allah berfirman yang bermaksud :

"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia. Surah al-Ra'du (13): 28

Oleh itu, dalam Surah Luqman wasiat Luqman kepada anaknya banyak menekankan tentang pendidikan spiritual melalui keimanan dan menolak amalan syirik. Allah tidak menyukai amalan dan hati syirik samada syirik yang tersembunyi seperti riya'. Firman Allah yang bermaksud:

"dan janganlah ia mempersekutukan sesiapaupun dalam ibadatnya kepada Tuhannya".
Surah al-Kahfi (18): 110

Pendidikan spiritual melalui hati dan keimanan hanya sempurna dengan adanya hubungan yang berterusan dengan Allah. Hasan al-Banna menggariskan beberapa panduan beribadah yang perlu ditekankan iaitu tetap mengikuti Sunnah dan menjauhi bid'ah, mengutamakan ibadah-ibadah fardhu, solat berjemaah, melakukan amalan sunat dan berzikir kepada Allah (Yusuf al-Qaradawi, 2014). Sesungguhnya fitrah manusia tidak memungkirinya adanya *al-haq* (kebenaran). Keimanan yang kukuh dengan adanya ketakwaan. Abdullah Nashih Ulwan (1999) meletakkan beberapa faktor untuk menyuburkan ketakwaan iaitu *mu'ahadah* (mengingat perjanjian) dengan Allah, *muroqobah* (merasakan keberadaan Allah), *muhasabah* (penilaian diri), *mu'aqobah* (penyaksian atau jaminan) dan *mujahadah* (perjuangan dan usaha).

4. Kesimpulan

Gerakan Ikhwan al-Safa' yang muncul di Basrah, Iraq telah menyatakankan bahawa pada akhir abad ke-10 Masihi akan terjadinya kegagalan jika pengetahuan hanya dicari berlandaskan tujuan duniawi (Iqbal, 1965). Selain itu juga, Al-Attas mengamalkan epistemologi Islam dalam pendidikan yang dinamakannya sebagai 'kaedah tauhid dalam ilmu pengetahuan dalam memastikan peranan pendidikan Islam dapat berfungsi dengan baik dan jika seseorang dapat mengetahui suatu teori dengan sebenarnya, maka pasti mampu melaksanakannya dalam amalan (Wan Mohd Nor, 2005). Bahkan, al-Tusi menekankan bahawa penting bagi penuntut ilmu untuk mencari redha Allah, menghilangkan kebodohan dari hati dan menjauhkan diri daripada segala perbuatan bodoh, menghidupkan agama Allah, dan menghidupkan Islam melalui *amar ma'ruf nahi mungkar* (Quresyi, 1975).

Para sahabat Nabi S.A.W mengetahui dengan jelas tujuan hidup di muka bumi ini. Mereka juga mengetahui kehidupan sementara ini mempunyai misi dan visi (Danial, 2018). Sesungguhnya pemeliharaan emosi muslim adalah penting bagi tujuan untuk mendapatkan kebahagiaan dan ketenteraman jiwa dengan kembali mendekatkan diri kepada Allah dan mendidik diri supaya taat pada perintah dan menjauhi laranganNya. Ketenteraman jiwa dapat diperolehi melalui keyakinan kepada Allah dalam segala urusan dan permasalahan (Choiriyah & al-Atsary, 2021). Menurut Abu Laith as-Samaqandi (2000) telah mengemukakan lima penawar untuk membersihkan hati iaitu: 1) Bergaul dengan orang-orang yang soleh; 2) Sentiasa membaca al-Quran; 3)

Memelihara perut daripada makanan haram; 3) Melakukan solat malam; 4) Selalu berzikir dan berdoa kepada Allah terutamanya semasa waktu Subuh.

Dalam membangun masyarakat yang baik, Al-Quran mengemukakan penyelesaian dengan menangani bahagian akhlak individu. Orang Islam perlu memenuhi akhlaknya dengan nilai-nilai dakwah, memahami fikrah dan mengetahui metode al-Quran untuk melakukan *amar makruf nahi mungkar*. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

Surah al-Imran (3) : 104

Menurut Hasyim (2008), akhlak individu yang perlu dijaga terbahagi kepada dua perkara iaitu sabar dan *tawadhu'* (merendah diri). Ibn Qayyim (1996) mengatakan, bahawa agama itu adalah akhlak. Barangsiapa yang berusaha membangunkan akhlak, bererti ianya telah membangunkan agama. Menurut Abdullah (2016), individu perlu memelihara hati dari akhlak tercela dan meningkatkan kualiti akhlak di samping bergaul dengan orang yang berakhlak mulia.

Kajian konseptual ini diharap dapat dijadikan sebagai panduan kepada seluruh warga pendidik dalam mendalami ilmu pengajaran pendidikan Islam dan seterusnya dapat mempraktikkan ilmu-ilmu tersebut supaya membangunkan modal insan yang berkualiti. Selain itu, kerangka konseptual kajian ini dapat menerapkan didikan Islam yang kondusif di sekolah. Para pendidik juga perlu bersedia dengan pendekatan dan kaedah yang lebih baik dan praktikal bagi menghasilkan keberkesanan dalam pengajaran pendidikan Islam. Generasi pada masa kini perlu diterapkan rasa kebertanggungjawaban serta memiliki pemahaman pendidikan Islam yang mantap dalam membangunkan modal insan yang berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Negara.

Penghargaan

Penulis merakamkan terima kasih kepada semua pihak yang memberi peluang untuk artikel ini diterbitkan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada seluruh warga ACIS di UiTM cawangan Perlis dan tenaga pengajar KAFA di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis.

Rujukan

- Abdullah A. (2016). *Tarbiyah Dzatiyah*. An-Nadwah.
Abdullah Nashih U. (1999). *Tarbiyah Ruhiyyah*. Robbani Press.
Abu Laith al-Samarqandi (2000). *Tanbih al-Ghofilin Bi Ahadis Sayyid al-Anbiya' wa al-Mursalin*. Beirut : Dar Ibn Kasir.
Al-Ghazali (2004). *Ihya' Ulumuddin*. Beirut : Dar al-Makrifah.
Al-Thobari (2007). *Tafsir al-Thabari*. Pustaka Azzam.

- Choiriyah & Atsary (2021). *Tarbiyah Jinsiyyah Pendidikan Seksual Untuk Anak dan Remaja dalam Islam*. Pustaka al-Khoir.
- Danial Z. (2018). *Formula Individu Cemerlang*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hasrizal, A.J. (2018). *Hikmah & Karakter*. Abideen Books.
- Hasyim Ali A. (2008). *Tarbiyah Dzatiyah*. Robbani Press.
- Ibn Faris (1979). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur (1997). *Lisan al-Arab*. Beirut : Dar Sadir.
- Ibn Qayyim (1996). *Madarij al-Salikin*. Beirut : Dar al-Kitab al-Arabi.
- Intan (2015). *Teori Pendidikan Islam*. nurintanrizqi.blogspot.com/2015/12/teori-pendidikan-Islam.html
- Iqbal, M. (1965). *The Reconstruction of Religious Thought in Islamic*. Lahore : Javid Iqbal.
- Kamarul, A. & Ab. Halim T. (2019). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Penerbit UTM Press
- Ma hfud, C. (2014). *The Power Of Syukur Tafsir Kontekstual Konsep Syukur Dalam Al-Qur'an*. Lkas.
- Mohd Shaffie (1991). *Metodologi Penyelidikan edisi ke-2*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhyiddin T. (2012). *Hikmah dalam Perspektif al-Quran*. Jurnal Studia Islamika.
- Munir, M. (2005). *al-Tarbiyah al-Islamiyah Usuluha wa Thathwiruha fi al-Bilad al-Arabiyyah*. Kairo.'Alam al-kutub.
- Quresyi (1975). *Education in Pakistan : An inquiry into Objectives and Achievements*. Karachi : Ma'aref Ltd.
- Sa'id Hawwa (1995). *Mensucikan Jiwa*. Robbani Press.
- Shah, A. (2008). Term Tarbiyah Ta'lim dan Ta'dib dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Ilmiah Kelslaman*. Vol. 7, No. 1, Januari-Juni 2008
- Sholichah (2018). Teori-teori pendidikan dalam al-Quran. *Jurnal Edukasi Islami Jurnal Pendidikan Islam*. Vol. 07/No.1, April 2018.
- Syaari, A.R. (2019). *Indahnya Pesan Luqman al-Hakim*. Paradigma Ibrah.
- Syadid (2003). *Manhaj Tarbiyah Metode Pembinaan dalam Al-Quran*. Robbani Press.
- Wan Mohd, N. (2020). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Yusuf al-Qaradawi (2014). *Tarbiyah Islamiyyah & Madrasah al-Banna*. Pustaka Buku Putih.